

# Miliki wang hasil tidak sah, keldai akaun didenda

**MIRI:** Seorang keldai akaun didenda RM500 atau sebulan penjara oleh Mahkamah Majistret semalam kerana kesalahan memiliki sejumlah wang yang diperolehi secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Nazira Adlin Ahmad Khairul Razi setelah Mahamad Rozi Yaakob, 48, dari Kuala Ketil, Kedah, men-

gaku bersalah atas tuduhan yang dibacakan terhadapnya mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 (Sarawak).

Mengikut kesalahan ini, tertuduh boleh didenda maksimum RM500 dan penjara sehingga sebulan, jika sabit kesalahan.

Menurut keterangan kes, tertuduh didapati telah memi-

liki wang berjumlah RM4,656 di dalam akaunnya yang diperolehi secara tidak sah.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 12.04 tengah hari, 22 Mei 2022 di sebuah lot di Kampung Pujut Padang Kerbau di sini.

Pendakwaan dilakukan Inspektor Mudzilawati Abdul Rahman, manakala tertuduh tidak diwakili peguam bela.